

PENANDA WACANA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Hasni tidak hadir ke sekolah hari ini, _____ dia demam.

A walaupun begitu
B namun begitu
C oleh sebab
D padahal
- 2 Kami berjalan- jalan di sekitar taman itu. _____, kami pun pulang ke rumah.

A Jadi
B Akhirnya
C Selepas itu
D Dengan itu
- 3 Bersenam dapat menyihatkan badan. _____, penyakit yang berbahaya dapat dielakkan.

A Meskipun
B Selepas itu
C Dengan itu
D Mungkin
- 4 Mei Ling bersiap- siap hendak ke sekolah. _____, dia makan mi goreng dan minum air Milo sebagai sarapan.

A Sebelum itu
B Kemudian
C Namun begitu
D Akhirnya
- 5 Adik bongsu Chai Lee sangat nakal. _____ dia sangat sayang akan adiknya itu.

A Walaupun begitu
B Selepas itu
C Di samping itu
D Oleh itu

- 6 Jasmin ialah murid terbaik. _____ dia mudah mendapat pekerjaan.
- A Oleh itu
 - B Selepas itu
 - C Namun begitu
 - D Tambahan pula
- 7 Jie Ann tetap datang ke sekolah _____ dia tidak sihat.
- A selepas itu
 - B walaupun
 - C namun begitu
 - D di samping itu
- 8 Abang telah tiga kali gagal dalam ujian memandu. _____, dia akan mencuba lagi.
- A Akhirnya
 - B Selepas itu
 - C Sebelum itu
 - D Namun begitu
- 9 Jie Shan sering mengulang kaji pelajaran hingga lewat malam. _____, UPSR semakin hampir.
- A Mungkin
 - B Akhirnya
 - C Bagaimanapun
 - D Tambahan pula
- 10 Emak memanaskan minyak di dalam kuali. _____, dia menggoreng keropok.
- A Oleh itu
 - B Meskipun
 - C Kemudian
 - D Tambahan pula

- 11 Datuk Farid seorang hartawan. _____ beliau tidak sombong.
- A Oleh itu
 - B Sementara itu
 - C Namun begitu
 - D Lebih-lebih lagi
- 12 Rumah Halim terletak di tebing sungai, _____ sering dilanda banjir.
- A sebaliknya
 - B namun
 - C justeru
 - D kemudian
- 13 Guru Besar menyampaikan ucapan alu-aluan beliau, _____ merasmikan majlis tersebut.
- A akhirnya
 - B justeru
 - C meskipun
 - D selanjutnya
- 14 Mula-mula, tumiskan bawang dan lada . _____, masukkan santan pula.
- A Selain itu
 - B Akhirnya
 - C Kemudian
 - D Sebaliknya
- 15 Kakak menghadahi sekotak coklat kepada saya, _____ hari jadi saya lambat lagi.
- A walhal
 - B namun
 - C malah
 - D maka